



**JABATAN KERJA RAYA
NASKAH DOKUMEN SEBUTHARGA**

PERUNTUKAN : PERSEKUTUAN

**PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI
INSTITUSI KPM RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH
TAMBAHAN (ALIRAN PPKI) DAN 1 BLOK TANDAS DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU AZIZ DAERAH SABAK BERNAM,
SELANGOR**

**NO SEBUTHARGA: 04/2026
G3 (B04)**

**TARIKH JUAL : 12 FEBRUARI 2026 [RABU]
TARIKH AKHIR JUAL : 19 FEBRUARI 2026 [KHAMIS]
TARIKH TUTUP : 19 FEBRUARI 2026 [KHAMIS]**

B04 - KERJA AM BANGUNAN



**PEJABAT JURUTERA DAERAH
JKR SABAK BERNAM.
NO TEL : 03-3224 2581**

ISI KANDUNGAN SEBUTHARGA

BIL	PERKARA
1.0	Notis Sebut Harga
2.0	Arahan Kepada Penyebut Harga
3.0	Syarat-Syarat Sebut Harga
4.0	Spesifikasi Adenda
5.0	Surat Akuan Pembida – Lampiran 5A Dan Akuan Pembida Berjaya – Lampiran 5B
6.0	Borang Sebutharga Kerja – Lampiran 6A Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan – Lampiran 6B
7.0	Rekod Pengalam Kerja – Lampiran 7A, Senarai Kerja Dalam Tangan – Lampiran 7B dan Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga Lampiran 7C
8.0	Laporan Bank / Syarikat Kewangan Ke atas Kedudukan Kewangan Kontraktor (Untuk Kerja melebihi RM 200,000.00) (G2 Sahaja) – Lampiran 8A, Surat Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan daripada Bank Yang Berkaitan – Lampiran 8B
9.0	Kebenaran Semakan Daripada Agensi Rujukan/ Laporan Kredit Ke Atas Syarikat – Lampiran 9
10.0	Senarai Kuantiti (Bill of Quantities – BQ) / Ringkasan Sebutharga
11.0	Lukisan dan Lain-Lain Yang Berkaitan
12.0	Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja) (G2 Sahaja) – Lampiran 11

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Dokumen Meja Terkawal

Sila tandakan [✓] Bagi Dokumen-dokumen yang Disertakan.

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian (SSM) Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan/Kerja)		
2.	Salinan Sijil Perolehan Kerja kerajaan Dari CIDB		
3.	Salinan Perakuan Pendaftaran (Kerja) Dari CIDB		
4.	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (PKK (Kerja))		
5.	Salinan Pendaftaran UPEN (Wajib Bagi Sebutharga Peruntukan Negeri)		
6.	Akuan Pembida -Lampiran 5A		
7.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani – Lampiran 6A		
8.	Senarai Kuantiti (Bill of Quantities – BQ) / Ringkasan Sebutharga		
9.	Rekod Pengalam Kerja – Lampiran 7A Senarai Kerja Dalam Tangan – 7B Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga – 7C		
10	Laporan Bank / Syarikat Kewangan ke atas Kedudukan Kewangan Kontraktor (Bagi Kerja melebihi RM200,000.00) – Borang CA – 8A		
11.	Surat Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan daripada BANK yang berkaitan (Bagi Kerja G2 iaitu melebihi RM200,000.00) – Borang CA1 – 8B		
12.	Kebenaran Semakan Daripada Agensi Rujukan/Laporan Ke Atas Syarikat (Bagi Kerja melebihi RM200,000.00) – Lampiran 9		
13.	Penyata kewangan 3 Bulan Terkini untuk SEBUTHARGA RM 200,000.00 dan KE ATAS SAHAJA		
14.	Resit Pembelian Sebutharga (Wajib Disertakan)		
15.	<i>Tax Compliance Certificate (TCC)</i>		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil :.....(Jika Ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:



JABATAN KERJA RAYA DAERAH SABAK BERNAM,
SABAK BERNAM,
45300 SUNGAI BESAR.

TEL. No: 03-32242581

Sebutharga No 04/2026

Sebutharga ini adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G3 Kategori B dengan Pengkhususan B04 dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, yang didaftarkan beralamat **DI NEGERI SELANGOR SAHAJA** yang dibenarkan untuk menyertai sebutharga.

Sebutharga boleh didapati mulai **12hb Februari 2026** sehingga **19hb Februari 2026** di laman sesawang Sistem Tender Online Selangor dan boleh didapati secara percuma hanya untuk kontraktor yang telah menghadiri taklimat. Dokumen sebutharga ini hendaklah dilengkapi dan dikembalikan pada **19hb Februari 2026** sebelum jam 12.00 tengah hari.

PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI INSTITUSI KPM RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH TAMBAHAN (ALIRAN PPKI) DAN 1 BLOK TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU AZIZ DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR

Nama Kontraktor : _____
Alamat : _____

No.Telefon : _____ No.Resit: _____

Tuan,

Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebutharga untuk kerja di atas. Sila masukkan Dokumen Sebutharga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan alamatkan kepada pejabat yang mengeluarkan dokumen tersebut.

2. Sampul surat tersebut hendaklah dicatatkan nombor sebutharga dan tarikh tutup yang tercatat seperti di atas.

b.p Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya,
Daerah Sabak Bernam



PEJABAT : JURUTERA DAERAH SABAK BERNAM

NOTIS SEBUTHARGA
SEBUTHARGA 04/2026

**PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI INSTITUSI KPM
RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH TAMBAHAN (ALIRAN PPKI) DAN 1
BLOK TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU AZIZ DAERAH
SABAK BERNAM, SELANGOR**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G3, Kategori B dengan Pengkhususan B04** DAN Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan pendaftaran syarikat beralamat di **NEGERI SELANGOR SAHAJA** yang dibenarkan untuk menyertai sebutharga.
2. Dokumen sebutharga boleh didapati mulai tarikh **12 Februari 2026 hingga 19 Februari 2026** di laman sesawang Sistem Tender Online Selangor dan boleh didapati secara percuma hanya untuk kontraktor yang telah menghadiri taklimat.
3. Taklimat adalah **Diwajibkan** kepada Kontraktor-kontraktor yang hendak menyertai sebutharga ini dan akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : **11hb Februari 2026 (Rabu)**
Masa Pendaftaran : **08.30 pagi hingga 09.30 pagi**
Masa Taklimat : **09.31 pagi**
Tempat Taklimat : **Bilik Gerakan, JKR Sabak Bernam**

**** Hanya seorang penama yang tercatat di dalam sijil perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja (SPKK), PUKONSA, UPKL atau bagi Sebutharga Bekalan hanya Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri taklimat sebutharga atau lawatan tapak dan tidak boleh sama sekali mewakili selain daripada Penama yang tertera dalam sijil.**

4. Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan hendaklah mencatat No. Rujukan Sebutharga di sebelah penjuru kiri sampul tersebut. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga di Pejabat JKR Sabak Bernam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari **19hb Februari 2026 (Tarikh Tutup)**.
5. Sekiranya serahan tangan tidak dapat dilakukan, Dokumen Sebutharga hendaklah di hantar dengan menggunakan Pos Berdaftar/ Kurier, Kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga yang ditetapkan selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

**"#KITA SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(Ir. SHAHRIZAM BIN MAT SALLEH)
Jurutera Daerah
JKR Sabak Bernam

Tarikh: 11 Februari 2026

Sk : Unit Kontrak dan Ukur Bahan JKR Selangor

Untuk edaran : JKR Daerah Kuala Selangor
JKR Daerah Hulu Selangor
JKR Daerah Kuala Langat
JKR Daerah Hulu Langat
JKR Daerah Gombak
JKR Daerah Sepang
JKR Daerah Petaling
JKR Daerah Klang

**TAMBAHAN PERTAMA KEPADA
ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
(DIBACA BERSEKALI DENGAN ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA DALAM
DOKUMEN SEBUTHARGA INI)**

Semua nilai sebutharga yang bernilai RM500,000 ke atas, levi sebanyak 0.25% daripada nilai harga kontrak akan dikenakan ke atas kontraktor yang berjaya, seperti yang ditetapkan dibawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) 1994 (Akta 520).

Bayaran levi merupakan satu bentuk cukai di bawah seksyen 34 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Sehubungan dengan itu, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membuat bayaran levi kepada LPIPM dan bukannya pihak Kerajaan.

Memandangkan tanggungjawab untuk membayar levi adalah tanggungjawab kontraktor sendiri di bawah Akta LPIPM 1994, maka butiran ini tidak perlu lagi disenaraikan sebagai satu item yang dihargaikan oleh kontraktor dalam senarai kuantiti bagi kerja awalan bagi mengelakkan tanggungjawab bayaran levi dipindahkan kepada kerajaan.

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA.

2.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat hitam segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga (BQ Kerja),
- c) Senarai Kerja Dalam tangan Dan Maklumat latar belakang Syarikat / Kontraktor.
- d) Jadual Kadar Harga (Jika Ada),
- e) Borang Akujanji Pembida, DAN Pembida Berjaya (***mengikut surat arahan KPKR bil 4/2010***).
- f) Butir-butir Spesifikasi (Jika Ada),
- g) Nama, No Kad Pengenalan Dan No Telefon hendaklah ditulis menggunakan dakwat pen.

- Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- Kegagalan mengisi / menandatangani Borang Sebutharga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga (BQ) dan Borang Sebutharga (Lampiran 6A), maklumat di dalam **Borang Sebut Harga (Lampiran 6A)** adalah diberi keutamaan.
- Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk softcopy (berbentuk CD), Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk Softcopy dan hardcopy. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara softcopy dan hardcopy, Dokumen sebutharga dalam **hardcopy hendaklah digunapakai**.
- Sekiranya Penyebutharga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negative terhadap keupayaannya, Sebut Harga akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- Hanya cop Alamat sahaja yang dibenarkan digunapakai bagi borang-borang yang terdapat dalam dokumen sebutharga.
- Kontraktor hendaklah memastikan tandatangan pada borang sebutharga sama dengan tandatangan penama yang hadir semasa taklimat diadakan (seperti dalam sijil CIDB, PKK dan lain-lain yang berkaitan). Sekiranya terdapat perbezaan atau keraguan pada tandatangan tersebut, borang sebutharga tersebut juga akan **DITOLAK**. (***Hanya untuk sebutharga yang mewajibkan Taklimat Dan Lawatan Tapak Sahaja***).
- **KEGAGALAN KONTRAKTOR** mematuhi semua arahan diatas akan menyebabkan borang sebutharga tersebut **DITOLAK**.

2.2 Kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama Sebut Harganya (*Wajib disertakan bagi sebutharga bernilai melebihi RM200,000.00*).

- a) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan Penyebut Harga bagi tiga **(03) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebutharga** dan disahkan oleh Pegawai dari Cawangan Bank Berkenaan (Pengesahan ASLI) yang mempunyai nama dan ID pegawai yang berkenaan ATAU
- b) Deposit Tetap,, baki nilai kemudahan kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak / akan diperoleh oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan. Laporan bank / institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan Penyebut Harga atas format seperti **BORANG 8A** dan **8B** dalam satu sampul berlakri. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang ditauliahkan oleh pihak bank berkenaan (jika ada).
** Borang 8B wajib diisi dengan lengkap oleh pihak Syarikat / Kontraktor dan ditandatangani. Semua maklumat hendaklah ditulis dengan menggunakan dakwat pen kecuali nama Syarikat dan alamat.

3. INTEGRITI PACT

- 3.1 Penyebut Harga **WAJIB** mengemukakan Surat Akaun Pembida seperti di Lampiran 5A dan 5B di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akaun Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 3.2 Surat Akaun Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akaun tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 3.3 Penyebut Harga yang Berjaya wajib mengemukakan Surat Akaun Pembida Berjaya seperti di Lampiran 1B beserta borang perjanjian Iden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akaun Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa Menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akaun ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

4. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

- 4.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebutharga **04/2026** Serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 4.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
**UNIT UKUR BAHAN,
JKR SABAK BERNAM,
45300 SUNGAI BESAR.**
- 4.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan **DIPERTIMBANGKAN.**

5. PENJELASAN LANJUT

Sekiranya terdapat maklumat dalam **Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah**, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

6. TEMPOH SIAP KERJA*

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **DUA PULUH EMPAT (24) minggu**. Mana-mana Penyebut Harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

7. HARGA INDIKATIF JABATAN

Harga indikatif Jabatan bagi tawaran ini adalah tidak melebihi **RM671,000.00**. Harga ini boleh dijadikan panduan kepada Penyebut Harga dalam mengemukakan tawaran.

8. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

9. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

10. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 10.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan dengan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

11. **KADAR HARGA MUNASABAH**
Kadar harga yang ditawarkan / dinyatakan mestilah harga yang munasabah mengikut harga pasaran semasa dan juga tertakluk kepada dua titik perpuluhan untuk setiap item di dalam BQ dan sekiranya terdapat item kerja yang dinyatakan di dalam borang sebutharga **TIDAK MUNASABAH** dan **TIDAK DIHARGAKAN** oleh pihak penyebutharga, jawatankuasa sebutharga berhak menolak sebutharga tersebut. **(Pihak Jabatan tidak terikat kepada mana-mana penyebutharga yang menawarkan harga terendah).**

12. **HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA.**

Dokumen sebutharga ini dijual dengan kadar **PERCUMA**.

Merujuk kepada Surat Edaran JKR Malaysia no. rujukan (9)d/m.JKR.CKUB.BD.900-6/2/1 Jld. 5 bertarikh 31 Mac 2021.

13. **INSURANS**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Syarat-syarat sebutharga, Sebagai satu syarat terdahulu sebelum memulakan apa-apa kerja dibawah Kontrak, Petender mestilah mengambil dan mengemukakan insurans yang diperlukan kepada Pegawai Penguasa.

13.1 **POLISI INSURANS, PERKESO DAN BON PELAKSANAAN (BAGI SEBUT HARGA BERNILAI MELEBIHI RM200,000).**

- i) Polisi Insurans Kerja – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- ii) Polisi Insurans Liabiliti Awam – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi keseluruhan tempoh siap kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari. Nilai liputan minimum bergantung kepada nilai Sebutharga.
- iii) Nombor Kod Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (perkeso); dan
- iv) Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai Sebut Harga yang bernilai melebihi RM200,000.00 dalam bentuk Jaminan Bank / Syarikat Kewangan / Jaminan Bank Islam / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah digunapakai. Pengesahan berkenaan kesahihan Jaminan Bon Pelaksanaan dengan pihak Bank / Syarikat Insurans berkaitan kaedah WJP hendaklah sepertimana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa. Tempoh jaminan Bon Pelaksanaan daripada penjamin hendaklah sah dan berkuatkuasa sehingga dua belas (12) bulan setelah berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan atau terkeluarnya Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan, yang mana lebih terkemudian.

13.2 **POLISI INSURANS, PERKESO DAN BON PELAKSANAAN (BAGI SEBUT HARGA BERNILAI MELEBIHI RM50,000 HINGGA RM200,000.00) GRED G1.**

- i) Polisi Insurans Kerja Sekiranya dinyatakan dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut Harga – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga sepenuhnya dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- ii) Polisi Insurans Liabiliti Awam – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi keseluruhan tempoh siap kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari. Nilai liputan minimum bergantung kepada nilai Sebutharga);
- iii) Nombor Kod Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (perkeso); dan

13.3 POLISI INSURANS, PERKESO DAN BON PELAKSANAAN (BAGI SEBUT HARGA BERNILAI SEHINGGA RM50,000

- i) Polisi Insurans Kerja (Sekiranya dinyatakan dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut Harga – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga sepenuhnya dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- ii) Polisi Insurans Liabiliti Awam – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi keseluruhan tempoh siap kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari. Nilai liputan minimum bergantung kepada nilai Sebutharga;
- iii) Nombor Kod Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (perkeso); dan

13.4 PANDUAN LIPUTAN

Panduan bagi liputan minimum bagi insurans liability awam yang perlu diinsuranskan berdasarkan nilai Sebut Harga bagi kerja yang mempunyai risiko yang dianggap biasa adalah seperti berikut:

Had Nilai Perolehan (RM)	Liputan minimum bagi setiap kemalangan untuk bilangan kemalangan yang tidak terbatas (RM)
Tidak melebihi 50,000.00	10,000.00
50,001.00 hingga 100,000.00	25,000.00
100,001.00 hingga 200,000.00	50,000.00
200,001.00 hingga 500,000.00	100,000.00
500,001.00 hingga 5,000,000.00	200,000.00

12.4.1 Bagi kerja yang mempunyai risiko yang luarbiasa seperti risiko pada bangunan sedia ada yang bersebelahan, liputan insurans di atas wajar digandakan.

- 13.5** #Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. Tahun 2000 yang dikeluarkan pada 29 Febuari 2000, petender yang Berjaya **DIGALAKAN** mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan didalam kontrak insurance Brokers SDN.BHD (PIBSB) yang beralamatkan seperti berikut:

**PNSB Insurance Brokers Sdn.Bhd,
Tingkat 24, Wisma MBSA,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.**

Telefon: 603-55193271

Faks : 603-55193280

***(HANYA UNTUK PROJEK DIBAWAH PERUNTUKAN NEGERI SAHAJA IANYA TERPAKAI)**

14. KESALAHAN PAKATAN HARGA /KARTEL

Selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Siri 6 Bil. 2 Tahun 2021, kesalahan pakatan harga akan dinilai sebagai salah satu kriteria **WAJIB** penilaian sebutharga. Tujuan ini untuk mengelakkan rasuah dalam proses sebut harga bagi mengelakkan penyebutharga bersekongkol dengan mana-mana pihak dalam penyediaan sebutharga mereka.

SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR GAGAL MEMATUHI ARAHAN YANG DINYATAKAN, PIHAK JABATAN BERHAK UNTUK MENOLAK SEBUTHARGA TERSEBUT.

** Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

*** Pengiraan harga dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal – hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. RINGKASAN SEBUT HARGA

2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos Pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sepenuhnya.

2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.

2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 2.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

2.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebutharga diselaraskan.

3. BON PELAKSANAAN DAN INSURANS.

3.1 Bon Pelaksanaan Untuk Sebutharga melebihi RM200ribu.

3.1.1 Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM 200,000.00 mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa. Bagi Kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00, **kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak. (Ruj : Arahan Perbendaharaan 176.2 atau 200.2)**

(i) Sekiranya Kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sebagai kaedah Bon Pelaksanaan, amaunnya adalah berdasarkan **5% daripada Harga Kontrak.**

(ii) Potongan WJP dalam setiap bayaran interim adalah 10% daripada Bayaran Disyorkan sehingga mencapai 5% daripada Harga Kontrak.

- (iii) Bagi tujuan pelepasan, Perakuan Pelepasan Wang Jaminan Pelaksanaan adalah seperti di Lampiran L. Perakuan ini menunjukkan jumlah WJP yang perlu dibayar / dipulangkan kepada Kontraktor.

- 3.1.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum..... bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO).
- 3.1.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

4. **BAYARAN PENDAHULUAN**

Kontraktor boleh memohon Bayaran Pendahuluan sebanyak 25% atau RM100,000.00 yang mana lebih rendah jika memenuhi kesemua syarat berikut:

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:-

- 4.1.1 Kerja yang dilaksanakan bernilai melebihi RM200,000.00
- 4.1.2 Tempoh siap kerja tidak kurang dari 3 bulan.
- 4.1.3 Permohonan daripada Kontraktor diterima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja/SST dikeluarkan.
- 4.1.4 Polisi Insurans telah dikemukakan oleh Kontraktor.
- 4.1.5 Satu jaminan terhadap Bayaran Pendahuluan dikemukakan oleh kontraktor sama ada dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Nilai jaminan hendaklah sama dengan nilai bayaran pendahuluan yang dimohon.
- 4.1.6 Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurnakan dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.
- 4.1.7 Liabiliti di bawah Jaminan Bayaran Pendahuluan akan tamat apabila Kerajaan mengutip semula jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar. Walau bagaimanapun, jika jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar tidak boleh dicapai sebelum tarikh siap kontrak atau apa-apa pelanjutan yang diberi atau sebelum tarikh penamatan dalam kes kontrak yang ditamatkan, maka baki pendahuluan yang perlu dibayar balik kepada Kerajaan hendaklah dituntut daripada Jaminan Bayaran Pendahuluan.

5. **PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 5.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir – butir dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

5.2 Kerja-karya elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan.

6. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

7. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mensub-sewakan kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhkan apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

8. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN.

8.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucer-baucer dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

8.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk tujuan ujian.

8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

9.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

9.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.

9.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

9.4 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

- 10. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR.**
- 10.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:
- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
 - b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
 - c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
 - d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
 - e) Apabila Kontraktor diistiharkan bankrap oleh pihak yang sah.
- 10.2 Walau apa pun di atas, sekiranya Kontrak ini ditamatkan di bawah perenggan 10.1 dan 10.2, Bon Pelaksanaan / WJP akan dirampas sepenuhnya.
- 11. BAYARAN KEMAJUAN**
Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.
- 12. KERJA PERUBAHAN**
- 12.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 12.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.
- 13. PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA**
Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.
- 14. PERAKUAN SIAP KERJA**
Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- 15. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN**
- 15.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga sehingga RM500ribu dan kebawah hendaklah sekurang-kurangnya enam **(6) bulan** dari tarikh kerja diperakuan siap. Manakala bagi sebut harga melebihi RM500ribu hendaklah sekurang-kurangnya **dua belas (12) bulan** dari tarikh kerja diperakuan siap. Kerja-kerja **mekanikal dan elektrik** **dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja**, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

- 15.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 15.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada Kontraktor dan termasuk kos kenaikan yang dikenakan. (sekiranya pembaikan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh Kerajaan) Atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk menggantung pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Pengarah Kerja Raya Negeri / Ketua Jabatan. Bagi Kerja-kerja elektrik / mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Kanan Cawangan Kerja Elketrik / Pengarah Kanan Cawangan Kerja Mekanikal.

16. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Walaubagaimanapun, Pegawai Inden hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun wang yang akan dibayar kepada Kontraktor sebagai kos untuk memperbaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh Kontraktor di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

17. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

18. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

19. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHU UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM.

- 19.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, Jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkaitan dengan Perjanjian / Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- 19.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 19.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

20. SPESIFIKASI KERJA.

Spesifikasi Piawai JKR (JKR Standard Specification 2020) digunapakai sebagai panduan dalam menghargakan dan pembinaan.

21. PERUBAHAN KERJA DAN PERLANJUTAN MASA UNTUK KONTRAK KERJA.

21.1 Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Peruntukan yang mencukupi;
- b) Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperolehi terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal; dan
- c) Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM 100,000.00 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM 100,000.00 hendaklah dirujuk untuk kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

21.2 Definisi dan kriteria Perubahan Kerja adalah sama seperti ditetapkan dalam PK 4.1.

21.3 **Pelanjutan masa** bagi kontrak kerja adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

Perkara-perkara yang membolehkan Lanjutan Masa (EOT) diberikan adalah :

- a) Force majeure
- b) Exceptional Inclement Weather
- c) S.O Instruction
- d) Delay in giving possession of site

22. PENETAPAN GANTIRUGI TERTENTU (LAD)

Gantirugi akan dikenakan kepada pihak kontraktor sekiranya berlaku kelewatan kemajuan kerja dengan menggunakan formula pengiraan seperti di bawah: **(Ruj: JN.SEL.(UB)11/07 JLD.4(2) bertarikh 2 Disember 2016.**

- i) % BLR / 365 HARI x HARGA INDEN ATAU,
- ii) RM100
- } Yang mana lebih tinggi

1. KEHENDAK AM

Spesifikasi tambahan ini hendaklah dibaca sama hubungan dengan spesifikasi Piawai, lukisan-lukisan (jika ada) dan syarat-syarat kontrak. Istilah spesifikasi yang digunakan adalah sama maksudnya dengan Spesifikasi Addenda dan Spesifikasi Piawai.

Sebarang percanggahan yang timbul di antara Spesifikasi Addenda dan Spesifikasi Piawai dan / atau lukisan kontrak dan / atau syarat-syarat kontrak, perkara-perkawa di bawah hendaklah digunakan.

- 1.1 Syarat-syarat Kontrak adalah lebih diutamakan dari lain-lain dokumen yang menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
- 1.2 Spesifikasi Addenda adalah lebih diutamakan dari dokumen lain didalam kontrak melainkan Syarat-syarat Kontrak.
- 1.3 Lukisan-lukisan kontrak (jika ada) adalah lebih diutamakan daripada Spesifikasi Piawai.
- 1.4 Didalam lukisan kontrak (jika berkaitan), lukisan butiran berskala besar adalah lebih diutamakan daripada lukisan butiran berskala kecil.

2. LOKASI TAPAK KERJA / PEMERIKSAAN TAPAK.

Kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah di **Daerah Sabak Bernam, Selangor**. Semua kontraktor adalah WAJIB melawat tapak untuk memastikan sendiri skop dan keadaan kerja-kerja yang terlibat kerana tuntutan tambahan tidak akan dibayar atas alasan kekurangan maklumat mengenai keadaan tapak oleh pihak kontraktor.

3. GAMBAR FOTO KEMAJUAN KERJA

Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja sepanjang tempoh kontrak sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Gambar-gambar tersebut tidak boleh diedarkan kecuali dengan kelulusan secara bertulis dari pihak JKR Daerah Sabak Bernam.

4. PROGRAM KERJA.

Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada Pegawai Penguasa dua (2) salinan Program kerja untuk kelulusan dalam masa 1 minggu selepas penerimaan Surat Tawaran Sebutharga dikeluarkan. Program yang telah mendapat kelulusan hendaklah dikemaskini mengikut arahan Pegawai Penguasa.

5. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Sekalipun terdapat apa-apa maklumat bertentangan terkandung di dalam mana-mana Dokumen kontrak, pihak kontraktor mestilah mengarahkan semua Sub- Kontraktor sama ada telah dilantik atau sebaliknya untuk mematuhi keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang diperuntukkan dalam syarat-syarat kontrak. Kontraktor mestilah bertanggungjawab untuk menyerah kepada Pegawai Penguasa samada diminta atau tidak, nombor-nombor kod pekerja dari Sub-Kontraktor dan nombor-nombor Keselamatan Sosial, atau Lampiran Borang 2 atau 3, jika nombor-nombor Keselamatan Sosial tersebut belum lagi dapat diperolehi dari pekerja-pekerja yang bekerja dengan mereka.

6. MESYUARAT TAPAK

Kontraktor hendaklah sentiasa mengadakan mesyuarat-mesyuarat sesama sendiri, sesama Sub-Kontraktor yang terlibat, Pelanggan dan Pegawai Penguasa bagi tempoh pelaksanaan projek. Mesyuarat hendaklah diadakan ditempat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Bilangan mesyuarat yang diadakan bergantung kepada Kemajuan Kerja.

7. **IKLAN**
Sebarang iklan atau keterangan tidak boleh dipamerkan dipaparkannya atau lain-lain tempat tanpa kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Penguasa.
8. **KENYATAAN AKHBAR**
Pihak kontraktor, pekerjaanya atau wakilnya tidak dibenarkan membuat kenyataan akhbar atau keterangan yang boleh memburukkan pihak Kerajaan, Pegawai Penguasa dan kakitangannya. Kontraktor juga tidak dibenarkan member sebarang maklumat kepada pihak awam mengenai perihal kontrak ini sebelum atau sesudah kerja disiapkan.
9. **KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN TAPAK KERJA**
Tapak kerja hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa. Langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk / amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam dan pekerja pejabat.
10. **PENYEDIAAN / PENGAWASAN KERJA.**
Kontraktor perlu mengadakan seorang penyelia kerja di tapak kerja pada setiap masa bekerja. Ini adalah memudahkan Pegawai Penguasa member arahan atau teguran berhubung dengan mutu kerja berkenaan.
11. **PEMBERSIHAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA.**
Kontraktor adalah bertanggungjawab membersihkan tapak kerja serta membuang semua sampah dan bahan-bahan yang telah ditinggalkan / dirobuhkan setelah kerja-kerja siap dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang gangguan pada laluan yang berkaitan.
12. **KECACATAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA.**
Kontraktor adalah dinasihat supaya tidak merosakkan kerja-kerja atau struktur yang sedia ada. Sebarang kerosakan / kecacatan yang telah berlaku dalam tempoh masa kerja-kerja dijalankan samada dengan sengaja atau tidak sengaja oleh jentera atau pekerja-pekerja, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab membaikinya seperti sedia ada dengan perbelanjaan sendiri.
13. **KAWALAN KESELAMATAN**
Kontraktor hendaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda serta keselamatan orang ramai di tapak kerja. Iaitu dari hari pertama beliau memulakan kerja sehingga penyerahan tapak ke pihak pelanggan.
14. **BAHAN-BAHAN BINAAN YANG DIBEKALKAN.**
Bahan-bahan binaan yang dibekalkan mestilah mengikut spesifikasi pihak IKRAM atau SIRIM serta diluluskan oleh Pegawai Penguasa.
15. **SKOP KERJA DAN PROSES KERJA.**
Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan semua peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan semua skop kerja yang dinyatakan di Ringkasan Sebutharga dimana semua kosnya telah diambil kira dalam menghargakannya. Semua kerja hendaklah mengikut arahan Pegawai Penguasa, Lukisan-lukisan dan Spesifikasi serta hendaklah berkuantiti tinggi. Sila rujuk Tambahan Kepada Spesifikasi Adenda di mukasurat SA/4 hingga SA/8.
16. **KUANTITI SEMENTARA.**
Semua kuantiti dalam Ringkasan Sebutharga adalah Kuantiti Sementara. Pengukuran semula akan dilakukan untuk membuat pembayaran.

**SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi**

04/2026

**PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI INSTITUSI KPM
RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH TAMBAHAN (ALIRAN PPKI) DAN 1
BLOK TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU AZIZ DAERAH
SABAK BERNAM, SELANGOR**

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan
.....yang mewakili
(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/
ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat
ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-
mana orang dalam **JABATAN KERJA RAYA SABAK BERNAM** atau mana-mana orang lain,
sebagai suapan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat
dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses
~~tender~~/sebut harga atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada
mana-mana orang dalam **JABATAN KERJA RAYA SABAK BERNAM** atau mana-mana orang
lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas, maka saya
sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi ~~tender~~/sebut harga* di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan
perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa
suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai
dorongan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan
dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan
saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah
seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000
atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

.....
Nama :
No. K/P :
Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) * potong mana tidak berkenaan
- (ii) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (iii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA/SYARIKAT

Bagi

No. Sebutharga : 04/2026

**PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI INSTITUSI KPM
RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH TAMBAHAN (ALIRAN PPKI)
DAN 1 BLOK TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU
AZIZ DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR**

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan

..... yang mewakili

(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ ROB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam JABATAN KERJA RAYA SABAK BERNAM atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati

menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam JABATAN KERJA RAYA SABAK BERNAM atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga * di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain Tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

.....
Nama :

Nombor K.P :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) * potong mana tidak berkenaan
- (ii) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (iii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

T/T Pembuka Sebutharga

T/T Pembuka Sebutharga

BORANG SEBUT HARGA KERJA
Sebut Harga Bil 04/2026

Jurutera Daerah,
 JKR Sabak Bernam,
 45300 Sungai Besar,
 Selangor Darul Ehsan

Tuan,

Sebut Harga untuk :

**PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI INSTITUSI KPM
 RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH TAMBAHAN (ALIRAN PPKI) DAN 1
 BLOK TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU AZIZ DAERAH
 SABAK BERNAM, SELANGOR**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja, Senarai Kuantiti dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

.....(RM).....

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masaminggu dari tarikh tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada..... haribulan..... 20.....

.....
 Tandatangan Kontraktor

.....
 Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Atas Sifat:.....

.....
 (Meterai atau Cap Kontraktor)

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- (a) Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, Jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerjaanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian / Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- (b) Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- (c) Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

REKOD PENGALAMAN KERJA

BIL	NAMA KONTRAK / PROJEK DAN SKOP KERJA*	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK**	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP		NAMA DAN ALAMAT PEGAWAI PENGUASA / JURUTERA PERUNDING	NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN
					KONTRAK	SEBENAR		

** Tempoh Kontrak hendaklah termasuk masa yang diluluskan

SENARAI KERJA KONTRAK SEMASA

(Senarai semua kerja di dalam tangan / sedang berjalan dan belum siap termasuk kontrak yang baru di award)

BIL	NAMA KONTRAK / PROJEK DAN SKOP KERJA*	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK **	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP		NAMA DAN ALAMAT JURUTERA PROJEK	NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN
					Ikut Jadual (%)	Sebenar Dicapai (%)		

** Tempoh Kontrak hendaklah termasuk masa yang diluluskan

MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENTENDER

1. Nama :.....
2. Alamat :.....
.....
.....
.....
3. No.Telefon :.....
4. No. Faks :.....
5. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
(Sertakan salinan pendaftaran)
 - i. No. Pendaftaran :
 - ii. Tarikh Daftar :
 - iii. Pengkhususan berkaitan :
 - iv. Taraf (Bumiputra / Bukan Bumiputra) :
 - v. Jika Bumiputra , tempoh sah taraf: dari.....hingga.....
6. Ahli-ahli Syarikat
(i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

SULIT

**BORANG CA – LAPORAN BANK / INSTITUT KEWANGAN
MENGENALI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak bank atau institusi kewangan lain dan diserahkan kepada penyebut harga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebutharga sekiranya penyebut harga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank / Institusi Kewangan yang berkenaan).

Kepada :

 (Jurutera Daerah)

Nama Penyebut Harga :

Projek :

(A) **Kemudahan Kredit** yang boleh digunakan untuk Pelaksanaan Projek:
 Kemudahan Kredit yang dilulus dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebut Harga seperti berikut;-

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki drpd yang telah diluluskan	Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan	Jumlah
i. Overdraf	RM	RM	RM
ii. Overdraf bercagar	RM	RM	RM
iii. Pinjaman Kredit	RM	RM	RM
iv. Pinjaman Tetap Yang Akan / layak di Perolehi Untuk Projek	RM	RM	RM
v.....	RM.....	RM.....	RM.....

(*Jika Projek diawardkan kepada penyebut Harga)

(B) Ulasan-ulasan mengenai kedudukan kewangan dan akaun Pentender

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank :

Nama Bank : Nama Pegawai :
 Materi Bank : Jawatan :

Ruj .Kami :

Tarikh:

.....
.....
.....
.....

(NAMA DAN ALAMAT BANK)

Tuan,

Perkara : Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan (Akaun Bank).

PROGRAM PEMBINAAN BANGUNAN MODULAR DAN IBS DI INSTITUSI KPM RMK13 – PEMBINAAN DUA (2) BILIK DARJAH TAMBAHAN (ALIRAN PPKI) DAN 1 BLOK TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UNGKU AZIZ DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Saya _____ selaku Pengarah bagi Syarikat _____ dengan ini memberi kebenaran kepada JKR Selangor / Daerah Sabak Bernam untuk mendapatkan maklumat kewangan syarikat ini bagi tujuan penilaian tender/ sebutharga untuk projek di atas.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta untuk memberikan kerjasama dengan memberikan maklumat berkaitan kewangan terkini syarikat seandainya diperlukan.
Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(Tanda Tangan Pengurus Syarikat)

.....
.....
.....
.....
(Nama dan alamat syarikat)

Nota: Surat ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen tender / sebutharga sewaktu tarikh tutup tender/sebutharga.